

UNDANG-UNDANG BRUNEI

EDISI SEMAKAN 1984

PENGGAL 124

**PENDAFTARAN PERKAHWINAN-
PERKAHWINAN**

SUSUNAN BAB

Bab

1. Gelaran pendek.
2. Lantikan Pendaftar Agung dan Pendaftar-Pendaftar Perkahwinan-Perkahwinan.
3. Daftar dan Buku Peringatan Pendaftar.
4. Pendaftaran Perkahwinan-perkahwinan yang dilangsungkan atau dilakukan dalam Negara Brunei Darussalam.
5. Pendaftaran Perkahwinan-perkahwinan yang dilangsungkan atau dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam.
6. Pendaftaran oleh seorang suami atau seorang isteri.
7. Salinan-salinan pendaftaran akan diberi kepada suami dan isteri.
8. Pihak-pihak yang hendak berkahwin dan saksi-saksi terikat untuk memberi keterangan yang benar.
9. Kuasa-kuasa Pendaftar.

10. Keengganan atau menangguhkan pendaftaran.
11. Sahnya suatu perkahwinan tidak disentuh oleh pendaftaran atau keadaan tiada berdaftar.
12. Mencari dan memperakui pemasukan dalam daftar-daftar perkahwinan
13. Meminda daftar-daftar.
14. Kesalahan-kesalahan dan hukuman-hukuman.
15. Perkahwinan yang dilangsungkan atau dilakukan di dalam Negara Brunei Darussalam selepas permulaan kuatkuasa Akta ini mestilah didaftarkan dalam tempoh 3 bulan.
16. Pendaftar-pendaftar adalah pegawai-pegawai-Kerajaan.
17. Aturan-aturan.

JADUAL PERTAMA — Borang Daftar.

JADUAL KEDUA — Borang Pengakuan Kerana Pendaftaran.

**AKTA PENDAFTARAN PERKAHWINAN-
PERKAHWINAN**

Satu Akta untuk mempersyaratkan bagi pendaftaran perkahwinan-perkahwinan

Permulaan kuatkuasa : 1 Januari, 1962

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Pendaftaran Perkahwinan-perkahwinan.

Gelaran pendek.

2. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat boleh melantik mana-mana pegawai kerajaan menjadi Pendaftar Agung Perkahwinan-Perkahwinan bagi maksud-maksud Akta ini dan Pendaftar Agung tersebut akan mempunyai tanggungan dan penyeliaan am bagi semua daftardaftar perkahwinan-perkahwinan dan lain-lain buku yang diadakan di bawah Akta ini, dan semua Pendaftar-Pendaftar Perkahwinan-Perkahwinan akan tertakluk kepada arahan-arahannya bagi maksud-maksud Akta ini.

Lantikan
Pendaftar
Agung dan
Pendaftar-
Pendaftar
Perkahwinan-
Perkahwinan.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh melantik beberapa pegawai-pegawai kerajaan, dengan nama atau jawatan, yang difikirkan layak menjadi Pendaftar-Pendaftar Perkahwinan-Perkahwinan bagi Negara Brunei Darussalam atau bagi kawasan yang disebutkan dalam lantikan itu atau untuk menjadi atau bertindak sebagai Timbalan kepada mana-mana Pendaftar tersebut apakala Pendaftar itu tidak berada dalam Negara Brunei Darussalam atau kawasan itu, atau sedang uzur atau apabila jawatannya terkongsong buat sementara, dan dalam Akta ini "Pendaftar" termasuklah seorang Timbalan Pendaftar.

3. Tiap-tiap Pendaftar yang dilantik di bawah Akta ini hendaklah menyimpan satu daftar dalam borang yang tertera dalam Jadual Pertama kepada Akta ini, dan dia hendaklah memasukkan ke dalamnya butir-butir penuh tentang semua

Daftar dan
Buku
Peringatan
Pendaftar.

perkahwinan-perkahwinan yang didaftarkan olehnya dan dia hendaklah juga menyimpan satu buku yang akan dipanggil Buku Peringatan Pendaftar dalam mana dia hendaklah merekodkan dengan tulisannya sendiri segala pekerjaan-pekerjaan mengenai pendaftaran sebarang perkahwinan dan semua keterangan yang diambil olehnya dalam sebarang pekerjaan-pekerjaan tersebut di bawah Akta ini.

Pendaftaran
Perkahwinan-
perkahwinan
yang
dilangsung-
kan atau
dilakukan
dalam Negara
Brunei
Darussalam.

4. (1) Sebarang perkahwinan yang dilangsungkan atau dilakukan dalam Negara Brunei Darussalam, selain dari satu perkahwinan yang salah satu dari pihak yang hendak berkahwin itu pada masa perkahwinan tersebut berugama Islam atau berugama Kristian, boleh didaftarkan jika —

(a) pihak-pihak yang hendak berkahwin itu hadir di hadapan Pendaftar dan memberi kepada Pendaftar keterangan sama ada secara mulut atau bersurat yang boleh memuaskan hati Pendaftar itu bahawa perkahwinan tersebut telah dilangsungkan :

Dengan syarat bahawa keterangan yang mereka telah bersekedudukan dan tinggal bersama-sama sebagai suami isteri bolehlah memadai untuk memuaskan hati Pendaftar ; dan

(b) pihak-pihak yang hendak berkahwin itu hendaklah mengisi dan membuat satu pengakuan dalam borang yang tertera dalam Jadual Kedua kepada Akta ini di hadapan Pendaftar dan hendaklah menjawab soalan-soalan yang Pendaftar fikirkan patut dihadapkan kepada mereka bagi maksud menerangkan atau mengesahkan kenyataan-kenyataan yang dibuat dalam pengakuan tersebut :

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh mengubah borang tersebut dalam sebarang perkara manakala pihak-pihak yang hendak berkahwin itu tidak mempunyai ugama ataupun telah berkahwin dengan tidak beristiadat ; dan

(c) ibu bapa atau salah seorang dari ibu bapa, atau, jika kedua-dua ibu bapa telah meninggal dunia atau jika kedua-dua ibu bapa tidak berada dalam Negara Brunei Darussalam, penjaga sah bagi seorang suami atau isteri yang berumur kurang dari 18 tahun pada tarikh mereka itu hadir di hadapan Pendaftar sebagaimana yang dibutkan di atas hendaklah hadir di hadapan Pendaftar pada atau sebelum didaftarkan perkahwinan tersebut dan mengangkat sumpah bahawa dia atau mereka bersetuju kepada perkahwinan tersebut :

Dengan syarat bahawa jika Pendaftar berpuas hati bahawa mengikut keadaan-keadaan perkara itu adalah patut untuk berbuat demikian maka dia boleh mengenepikan persetujuan daripada mana-mana ibu bapa atau penjaga ; dan

(d) bayaran-bayaran yang ditentukan telah dibayar.

(2) Pendaftar hendaklah mendaftar sesuatu perkahwinan dengan memasukkan butir-butir perkahwinan itu ke dalam daftar.

5. (1) Sebarang perkahwinan yang dilangsungkan atau dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam boleh didaftarkan jika —

(a) pihak-pihak yang hendak berkahwin itu hadir di hadapan Pendaftar dan memberi kepada Pendaftar itu keterangan sama ada secara mulut atau bersurat yang boleh memuaskan hati Pendaftar itu bahawa perkahwinan tersebut telah dilangsungkan :

Pendaftaran
Perkahwinan-
perkahwinan
yang
dilangsung-
kan atau
dilakukan
di luar
Negara
Brunei
Darussalam.

Dengan syarat bahawa keterangan yang mereka telah bersekedudukan dan tinggal bersama-sama sebagai suami isteri bolehlah memadai untuk memuaskan hati Pendaftar ; dan

(b) pihak-pihak yang hendak berkahwin itu hendaklah mengisi dan membuat satu pengakuan dalam borang yang tertera dalam Jadual Kedua kepada Akta ini di hadapan Pendaftar dan hendaklah menjawab soalan-soalan yang Pendaftar fikirkan patut dihadapkan kepada mereka bagi maksud menerangkan atau mengesahkan kenyataan-kenyataan yang dibuat dalam pengakuan tersebut :

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh mengubah borang tersebut dalam sebarang perkara manakala pihak-pihak yang hendak berkahwin itu tidak mempunyai ugama ataupun telah berkahwin dengan tidak beristiadat ; dan

(c) bayaran-bayaran yang ditentukan telah dibayar.

(2) Pendaftar hendaklah mendaftar sesuatu perkahwinan dengan memasukkan butir-butir perkahwinan itu ke dalam Daftar.

Pendaftaran
oleh seorang
suami atau
seorang isteri.

6. Dengan tidak menghiraukan sebarang apa yang berlawanan yang terkandung dalam bab-bab 4 dan 5, seorang Pendaftar boleh menepikan kehadiran salah seorang daripada pihak-pihak yang berkahwin jika dia berpuas hati bahawa ada sebab yang baik dan cukup yang menyebabkan pihak itu tidak dapat hadir dan dalam perkara yang sedemikian borang yang tertera dalam Jadual Kedua kepada Akta ini hendaklah dipinda dengan berpatutan dan hendaklah termasuk satu kenyataan sebab tidak hadirnya pihak yang lain itu.

Salinan-
salinan
pendaftaran
akan diberi
kepada suami
dan isteri.

7. (1) Apabila pendaftaran suatu perkahwinan mengikut kandungan-kandungan bab 4 atau bab 5 maka satu salinan pemasukan dalam daftar yang telah diperakui yang ditandatangani oleh Pendaftar hendaklah diberi atau dihantar kepada suami itu dan satu lagi salinan kepada isteri itu dan satu salinan pemasukan dalam daftar yang telah diperakui hendaklah dihantar, dalam tempoh yang boleh ditentukan,

kepada Pendaftar Agung Perkahwinan-Perkahwinan dan salinan-salinan yang diperakui yang sedemikian akan menjadi daftar perkahwinan-perkahwinan Pendaftar Agung.

(2) Jika butir-butir yang terkandung dalam satu salinan pemasukan dalam daftar yang telah diperakui mengenai sebarang perkahwinan, apabila dihantar kepada Pendaftar Agung Perkahwinan-Perkahwinan mengikut kandungan-kandungan ceraian (1), terdapat oleh Pendaftar Agung itu serupa dengan butir-butir perkahwinan yang pendaftarannya telah dibatalkan mengikut kandungan-kandungan Akta ini, maka dia hendaklah menghantar balik salinan yang telah diperakui yang tersebut kepada Pendaftar yang menghantarnya bersama dengan butir-butir perkahwinan yang pendaftarannya telah dibatalkan dan Pendaftar tersebut hendaklah selepas itu memanggil pihak-pihak itu untuk menunjukkan sebab kenapa pendaftaran perkahwinan tersebut tidak patut dibatalkan dan jika pihak-pihak itu gagal menunjukkan sebab maka Pendaftar hendaklah membatalkan pendaftaran perkahwinan tersebut.

8. (1) Tiap-tiap pengakuan yang dibuat di bawah kandungan-kandungan bab 4 atau bab 5 hendaklah dibuat secara sumpah atau pengakuan mengikut sebagaimana Pendaftar fikirkan patut oleh orang-orang yang membuatnya dan tiap-tiap orang yang memberi keterangan di hadapan Pendaftar akan terikat juga untuk memberi jawapan yang betul kepada semua soalan-soalan yang dihadapkan kepadanya oleh Pendaftar di bawah kandungan-kandungan bab 4 atau bab 5 dari Akta ini.

Pihak-pihak yang hendak berkahwin dan saksi-saksi terikat untuk memberi keterangan yang benar.

(2) Barangsiapa yang dengan sengaja membuat satu kenyataan yang bohong dalam sebarang pengakuan tersebut atau siapa memberi sebarang keterangan dalam sebarang penyiasatan di bawah Akta ini yang diketahuinya tidak benar, atau siapa melakukan sebarang perbuatan lain, yang mana jika dilakukan dalam satu perbicaraan kehakiman akan boleh dihukum di bawah Penggal XI dari Kanun Hukuman Jenayah, akan dikenakan hukuman apabila dijatuhan

Penggal 22.

hukuman sebagaimana yang dipersyaratkan dalam penggal itu secara yang sama seolah-olah perbuatan itu telah dilakukan di dalam atau berhubung dengan satu perbicaraan kehakiman.

Keasa-
kuasa
Pendaftar.

9. Bagi maksud-maksud Akta ini tiap-tiap Pendaftar yang dilantik di bawah Akta ini akan mempunyai semua kuasa-kuasa seorang majistret bagi memanggil dan menyoal saksi-saksi dan mengangkat sumpah-sumpah dan pengakuan-pengakuan.

Keenggan-
atau
menangguh-
kan
pendaftaran.

10. (1) Jika Pendaftar tidak berpuas hati tentang kesahihan sebarang kenyataan yang dibuat kepadanya maka dia boleh enggan mendaftarkan perkahwinan itu atau jika dia berkehendakkan keterangan berkenaan dengan sebarang butir-butir yang dikehendaki untuk didaftarkan maka dia boleh menangguhkan pendaftaran dan dia boleh meminta sebarang keterangan yang lanjut yang difikirkannya perlu :

Dengan syarat bahawa Pendaftar hendaklah merekodkan dalam Buku Peringatan Pendaftar tentang sebab-sebab keengganan atau penangguhan tersebut.

(2) Jika Pendaftar mempunyai sebab mempercayai mengikut keterangan dari mana-mana orang bahawa satu perkahwinan di antara pihak-pihak yang hendak berkahwin itu ditegah oleh fahaman-fahaman ugama yang dianut oleh salah satu dari pihak-pihak itu, atau jika kedua-duanya menganut ugama yang sama mengikut fahaman-fahaman ugama itu, atau oleh undang-undang atau adat yang boleh dipakai pada segi undang-undang terhadap salah satu pihak itu maka dia hendaklah enggan mendaftarkan perkahwinan itu.

(3) Dalam sebarang perkara manakala pihak-pihak yang hendak berkahwin itu menganut ugama-ugama yang berlainan maka Pendaftar boleh, jika difikirkan patut, enggan mendaftarkan perkahwinan itu.

(4) Pendaftar tidak boleh mendaftar sebarang perkahwinan melainkan salah seorang dari pihak-pihak yang hendak berkahwin itu biasanya diam dalam Negara Brunei Darussalam.

(5) Tiada boleh dibuat rayuan kerana pembatalan oleh seorang Pendaftar akan pendaftaran suatu perkahwinan atau kerana keengganan seorang Pendaftar untuk mendaftarkan suatu perkahwinan, tetapi keengganan yang sedemikian tidak akan mencegah Pendaftar itu atau Pendaftar lain untuk mendaftarkan perkahwinan itu jika selepas itu ianya berpuas hati bahawa sebab-sebab keengganannya untuk mendaftarkan sama ada tiada wujud lagi atau telah dari semenjak itu dihapuskan.

11. Pendaftaran ataupun ketinggalan dari mendaftarkan sebarang perkahwinan tidak akan menyentuh sahnya perkahwinan itu ataupun sebarang kekhilafan tentang butir-butir yang direkodkan atau sebarang ketinggalan dari merekodkan sebarang butir yang patut direkodkan tidak akan menyentuh sahnya pendaftaran perkahwinan itu.

Sahnya suatu perkahwinan tidak disentuh oleh pendaftaran atau keadaan tiada berdaftar.

12. (1) Pendaftar Agung dan tiap-tiap Pendaftar hendaklah menyuruh supaya dibuat nombor-nombor susunan dafar-daftar perkahwinan-perkahwinan yang di dalam simpanan mereka, dan sesiapa apabila memohon kepada Pendaftar Agung atau seorang Pendaftar, dan apabila membayar bayaran yang ditentukan, akan berhak untuk mencari di dalam daftar perkahwinan dan nombor susunannya, dan mendapatkan satu salinan yang diperakui dalam daftar perkahwinan tersebut.

Mencari dan memperakui pemasukan dalam daftar-daftar perkahwinan.

(2) Tiap-tiap salinan yang telah diperakui bagi sebarang pemasukan dalam sebuah daftar perkahwinan-perkahwinan, jika salinan tersebut dikatakan telah ditandatangani oleh mana-mana orang yang diamanahkan di bawah Akta ini, akan diterima bagi semua maksud dan dalam semua

mahkamah sebagai keterangan perkahwinan yang disebut-kannya dengan tidak payah dibuktikan lagi dengan daftar tersebut atau dengan sebarang pemasukan di dalamnya atau dengan tandatangan tersebut, tetapi tidak pula dengan sahnya perkahwinan tersebut ; tetapi sesbuah mahkamah boleh, jika tiada sebarang keterangan yang berlawanan, mensifatkan sebarang perkahwinan yang telah didaftarkan sebagai sah dan tanggungjawab bagi membuktikan bahawa tiada sahnya perkahwinan tersebut akan terserah kepada orang yang membuat tuduhan itu.

Meminda
daftar-daftar.

13. (1) Mana-mana Pendaftar yang ada menyimpan suatu daftar dalam mana suatu perkahwinan telah didaftarkan mengikut kandungan-kandungan Akta ini boleh, apabila dibuat permohonan secara yang ditentukan dan setelah membayar bayaran yang ditentukan oleh si suami atau si isteri, meminda daftar itu dengan membetulkan sebarang kekhilafan tentang butir-butir yang terkandung di dalamnya ; dan manakala satu pemasukan dalam daftar itu dipinda maka satu salinan yang telah diperakui bagi pemasukan yang dipinda dalam daftar itu yang ditandatangani oleh Pendaftar hendaklah diberi atau dihantar kepada suami dan satu salinan lagi kepada isterinya dan se tu salinan yang telah diperakui bagi pemasukan yang dipindah dalam daftar itu hendaklah dihantar, dalam tempoh yang ditentukan, kepada Pendaftar Agung Perkahwinan-Perkahwinan.

(2) Peguam Negara boleh memohon kepada Mahkamah Majistret untuk membatalkan pendaftaran bagi sebarang perkahwinan mengikut cara yang boleh ditentukan oleh aturan-aturan yang dibuat di bawah Akta ini dan Mahkamah hendaklah menghantar satu salinan perintah yang dibuat dalam tiap-tiap permohonan tersebut kepada Pendaftar yang mendaftarkan perkahwinan tersebut dan kepada Pendaftar Agung Perkahwinan-Perkahwinan dan daftar itu hendaklah dipinda dengan membatalkan pendaftaran perkahwinan tersebut jika mahkamah memerintahkan demikian.

(3) Jika diisyiharkan oleh sebuah mahkamah yang berkuasa bahawa suatu perkahwinan yang didaftarkan mengikut kandungan-kandungan Akta ini adalah tidak sah dan mahkamah itu memerintahkan sedemikian, maka satu salinan perintah tersebut hendaklah dihantar kepada Pendaftar yang mendaftarkan perkahwinan tersebut dan kepada Pendaftar Agung Perkahwinan-Perkahwinan dan daftar itu hendaklah dipinda dengan membatalkan pendaftaran perkahwinan tersebut.

(4) Barangsiapa, sama ada atau tidak seorang yang menjadi pihak kepada perbicaraan-perbicaraan itu, yang tidak puas hati dengan sebarang keputusan dari sebuah Mahkamah di bawah ceraian (2) atau (3), bolehlah merayu kepada Mahkamah Tinggi atau kepada Mahkamah Rayuan, mengikut sebagaimana keadaannya, dan dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan, mengikut cara sebagaimana yang boleh diadakan oleh sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa dalam Negara Brunei Darussalam mengenai rayuan-rayuan.

14. (1) (a) Barangsiapa yang memujuk mana-mana perempuan atau kanak-kanak perempuan untuk hadir bersama dengannya atau dengan sebarang orang lain di hadapan seorang Pendaftar dan untuk membuat pengakuan atau mengaku bahawa perempuan itu telah berkahwin dengannya atau dengan sebarang orang lain tersebut itu akan, jika dia tahu pada masa itu bahawa perempuan itu tidak berkahwin sedemikian dengan secara halal mengikut fahaman-fahaman ugama yang dianutnya, atau jika perempuan itu berumur kurang dari 18 tahun menurut ugama yang dianut oleh ibu bapa atau penjaga-penjaganya yang sah atau oleh undang-undang atau adat yang boleh dipakai pada segi undang-undang terhadap pihak-pihak itu atau salah satu daripada mereka atau mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa perempuan atau kanak-kanak perempuan tersebut ada mempunyai seorang suami yang

Kesalahan-kesalahan dan hukuman-hukuman.

masih hidup siapa belum lagi bercerai dengan perempuan itu dengan sah mengikut fahaman-fahaman ugama yang dianut oleh perempuan itu pada masa perkahwinannya yang terdahulu itu, atau jika perempuan itu pada masa itu berumur kurang dari 18 tahun mengikut ugama yang dianut oleh ibu bapa atau penjaga-penjaganya yang sah atau mengikut undang-undang atau adat yang boleh dipakai pada segi undang-undang terhadap pihak-pihak itu atau salah satu daripada mereka, melainkan mengikut fahaman-fahaman ugama tersebut atau mengikut undang-undang atau adat yang boleh dipakai pada segi undang-undang terhadap pihak lelaki yang membenarkannya mempunyai lebih dari seorang isteri pada bila-bila masa, didapati salah dan akan dikenakan hukuman penjara selama 7 tahun.

(b) Mahkamah di hadapan siapa seseorang itu dihukumkan kerana satu kesalahan yang bertentangan dengan perenggan (a) dari ceraian ini hendaklah memerintahkan supaya dibatalkan pendaftaran perkahwinan tersebut dan hendaklah menghantar satu salinan perintah tersebut kepada Pendaftar yang mendaftarkan perkahwinan tersebut dan kepada Pendaftar Agung Perkahwinan-Perkahwinan dan daftar itu hendaklah dipinda dengan membatalkan pendaftaran perkahwinan tersebut.

(2) Seseorang lelaki, yang mempunyai seorang isteri yang masih hidup dan ditegah mengikut fahaman-fahaman ugama yang dianutnya pada masa perkahwinannya dengan isteri tersebut atau oleh undang-undang atau adat yang boleh dipakai pada segi undang-undang terhadap pihak-pihak itu atau salah satu daripada mereka dari mempunyai lebih dari seorang isteri pada sesuatu masa, yang memperolehi atau cuba memperolehi pendaftaran di bawah Akta ini bagi suatu perkahwinan di antara dirinya dengan seorang perempuan atau

kanak-kanak perempuan lain akan, tertakluk kepada pengecualian-pengecualian yang terkandung dalam bab 494 dari Kanun Hukuman Jenayah, terkena hukuman yang sama seolah-olah ianya telah melakukan satu kesalahan yang terkena hukuman di bawah bab itu.

Penggal 22

(3) Barangsiapa yang memalsukan sebarang pemasukan dalam mana-mana daftar yang disimpan atau sebarang salinan yang telah diperakui bagi mana-mana pemasukan di dalam daftar yang diberi di bawah kandungan-kandungan Akta ini atau siapa dengan jalan tipu atau tidak jujur menggunakan sebagai salinan tulin akan sebarang salinan tersebut yang telah diperakui yang diketahui atau dipercayainya adalah palsu, akan dikenakan hukuman apabila dijatuhkan hukuman sebagaimana yang dipersyaratkan dalam bab 466 dari Kanun Hukuman Jenayah kerana kesalahan-kesalahan yang terkena hukuman di bawah bab itu atau di bawah bab 471 dari Kanun Hukuman Jenayah mengikut sebagaimana keadaannya.

Penggal 22

15. Tiada perkahwinan yang dilangsungkan atau dilakukan dalam Negara Brunei Darussalam selepas berjalannya kuatkuasa Akta ini akan didaftarkan mengikut kandungan-kandungan Akta ini melainkan perkahwinan tersebut didaftarkan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh apabila perkahwinan itu dilangsungkan atau dilakukan :

Dengan syarat bahawa seorang Pendaftar boleh, dengan tidak menghiraukan kandungan-kandungan bab ini, mendaftarkan suatu perkahwinan yang sedemikian lebih dari 3 bulan selepas tarikh perkahwinan tersebut jika dia berpuas hati bahawa perkahwinan itu tidak didaftarkan dalam tempoh tersebut kerana ada sebab-sebab yang baik.

Perkahwinan yang dilangsungkan atau dilakukan di dalam Negara Brunei Darussalam selepas permulaan kuatkuasa Akta ini mestilah didaftarkan dalam tempoh 3 bulan.

16. Tiap-tiap Pendaftar yang dilantik di bawah Akta ini akan dianggap sebagai seorang pegawai Kerajaan dalam erti kata Hukuman Jenayah.

Pendaftar-pendaftar adalah pegawai-pegawai Kerajaan
Penggal 22.

Aturan-
aturan

17. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh membuat aturan-aturan bagi maksud-maksud Akta ini, dan dengan tidak menyentuh keluasan perkara-perkara yang disebutkan dahulu, boleh terutama sekali membuat aturan-aturan bagi —

- (a) menentukan bayaran-bayaran yang akan dikenakan di bawah Akta ini ;
- (b) menentukan cara bagaimana Pendaftar-Pendaftar akan menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada mereka oleh Akta ini ;
- (c) mempersyaratkan kerana menyimpan dengan selamat akan semua Daftar-Daftar dan Buku-Buku Peringatan Pendaftar yang diadakan di bawah Akta ini dan semua pengakuan-pengakuan yang dibuat bagi maksud-maksud Akta ini ; dan
- (d) amnya kerana menjalankan maksud-maksud Akta ini.

JADUAL PERTAMA

(Bab 3)

Daftar Perkahwinan-Perkahwinan bagi dalam
Negara Brunei Darussalam

PEMASUKAN No. PERKAHWINAN dilakukan pada di

	Suami	Isteri
Nama penuh
Umur pada tarikh perkahwinan
Tempat Lahir
Ugama
Taraf Kelamin
Nama penuh bapa

Dilakukan menurut cara, upacara, adat atau kelaziman
..... di hadapan

Didaftarkan oleh saya pada haribulan 19
atas permohonan daripada yang sekarang diam
di dan yang sekarang diam
di pihak-pihak yang berkahwin, disokong oleh
keterangan daripada

.....
Pendaftar
Perkahwinan-Perkahwinan

JADUAL KEDUA

(Bab 2, 4, 5 dan 7)

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**Akta Pendaftaran Perkahwinan, Penggal 124****PENGAKUAN KERANA PENDAFTARAN PERKAHWINAN**

Kami, yang bertandatangan di bawah, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa suatu perkahwinan telah dilangsungkan (atau dilakukan) di antara kami, iaitu (suami) anak lelaki kepada dengan (isteri) anak perempuan kepada di dalam pada haribulan tahun, mengikut fahaman-fahaman ugama (atau mengikut undang-undang atau adat yang boleh dipakai dari segi undang-undang terhadap salah seorang daripada kami) dan bahawa kami percaya bahawa pada masa perkahwinan tersebut tiada halangan yang sah terhadap perkahwinan tersebut dan bahawa perkahwinan tersebut adalah suatu perkahwinan yang sah mengikut fahaman-fahaman ugama yang dianut oleh kami (atau undang-undang atau adat yang boleh dipakai dari segi undang-undang terhadap salah seorang daripada kami) :

Dan kami masing-masing dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa kami telah/tidak pernah membuat permohonan yang terdahulu mengikut kandungan-kandungan sebarang undang-undang bertulis mengenai pendaftaran perkahwinan-perkahwinan yang berkuatkuasa dalam Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagiannya mengenai perkahwinan tersebut :

Dan kami masing-masing membuat pengakuan yang benar ini dengan mempercayai sesungguhnya bahawa pengakuan ini betul dan dengan kuatkuasa kandungan-kandungan dari Akta Surat-Surat Sumpah (Penggal 12 dari Edisi Undang-Undang Negara Brunei Darussalam yang disemak 1983).

Dibuat dan diakui dengan sesungguhnya oleh
..... dan
yang disebutkan di atas
dalam Negara Brunei Darussalam
pada haribulan 19

[Tandatangan suami dan isteri]

Pendaftar Perkahwinan-
Perkahwinan

Di hadapan saya,

Diterjemahkan oleh saya dan
ditandatangani di hadapan saya
Jurubahasa

PERINGATAN :— Jika sebarang permohonan yang terdahulu telah dibuat bagi mendaftarkan perkahwinan tersebut, butir-butir penuh tentang permohonan itu mestilah diberi.